

Serangan bom: Polis tahan Abu Bakar Basyir

UM 20 OCT 2002
siden Megawati Sukarnoputri malam tadi.

Sebelum ini laporan akhbar Indonesia mendakwa rakyat Malaysia adalah antara pihak yang terbabit dalam serangan bom di Bali.

Bagaimanapun, ia dinafikan oleh pihak berkuasa Indonesia.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengulas perkara itu semalam memberitahu lelaki yang dikatakan rakyat Malaysia itu sebenarnya adalah rakyat Indonesia.

Tanpa mendedahkan identitinya, Perdana Menteri berkata, lelaki itu pernah diberi taraf pemastautin tetap di Malaysia tetapi kini sudah pulang ke negara asalnya.

Pemastautin

Pada 17 Ogos tahun lalu, polis Malaysia menyenaraikan Abu Bakar dan rakannya Hambali @ Nurjaman @ Riduan Isamuddin - kedua-duanya rakyat Indonesia bekas pemastautin tetap Malaysia - antara lima orang yang dikehendaki kerana terlibat dalam kumpulan militan KMM.

Ketika di Malaysia, Abu Bakar menjadi pendakwah bebas dan menetap di Kampung Sungai Manggis, Banting, Selangor.

Hambali yang juga merupakan pendakwah bebas dikatakan menjadi perancang utama dalam beberapa serangan bom di sebuah gereja di Bandung pada tahun 2000.

Dia yang kini dipercayai berada di Indonesia dikatakan pakar mencipta bom kawalan jauh - seperti bom yang digunakan dalam serangan di Bali, Sabtu lalu.

Sewaktu di Malaysia, Hambali yang amat dikehendaki oleh polis Indonesia itu tinggal berjiran dengan Abu Bakar di Kampung Sungai Manggis, Banting.

— Agensi